

**PUCUNG BENDANG**  
Cinnamon Bittern

FAMILI: Ardeidae  
NAMA SAINTIFIK: *Ixobrychus cinnamomeus*



**CIRI-CIRI**

Secara keseluruhannya, berwarna coklat kekuningan yang agak kemerahan. Bagi jantan dewasa, bahagian atas sayap dan badan mempunyai warna yang sekata iaitu coklat kekuningan yang agak kemerahan dan terang. Bahagian bawah badan pula agak pudar dengan sedikit garisan berwarna putih di bahagian pipi. Betina dewasa pula beza dari segi garisan-garisan pada bahagian bawah yang berwarna pudar. Bagi individu juvenil pula, bahagian belakang dan bahagian atas sayap mempunyai garis-garis yang berwarna kecoklatan manakala calitan-calitan di bahagian bawah badan berwarna agak gelap.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan badan ialah di antara 38.0 sm-41.0 sm.

**MAKANAN**

Ikan, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

**HABITAT**

Boleh ditemui di kawasan-kawasan berair seperti sawah padi, paya air tawar, tanah lembap, hingga ke ketinggian 1,830 m dari aras laut.

**BUNYI**

Ia mengeluarkan bunyi *ukh-ukh-ukh-ukh-ukh-ukh-ukh* yang mengandungi 9-18 nota dan diulang pada sela masa tertentu. Semasa terbang pula, ia mengeluarkan bunyi *klik ikh* atau *ikh-ikh* yang bernada rendah.

**TABIAT**

Kebiasaannya mencari makanan di celah-celah rumput tebal yang panjang dan agak susah dilihat.

**PEMBIAKAN**

Membiaik sepanjang tahun dengan burung betina menghasilkan di antara 3-5 biji telur.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.